

UNSUR SIMILE DALAM LIRIK LAGU FILEM TAMIL GUBAHAN VAIRAMUTHU

RAVICHANDRAN A/L SUBRAMANIAM

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023

UNSUR SIMILE DALAM LIRIK LAGU FILEM TAMIL GUBAHAN
VAIRAMUTHU

RAVICHANDRAN A/L SUBRAMANIAM

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



Sila tanda (v)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada ..14...(hari bulan).Februari... (bulan) 20.23...

i. Perakuan pelajar :

Saya, Ravichandran A/L. Subramaniam, P20171000269, Fakulti Bahasa dan Komunikasi (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk Unsur Simile Dalam Lirik Lagu Filem Tamil Gubahan Vairamuthu

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Dr. Hangkumaran A/L. Sivanadhan (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Unsur Simile Dalam Lirik Lagu Filem Tamil Gubahan Vairamuthu

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Doktor Falsafah

(SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

21 Februari 2023

Tarikh

Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: Unsur Simile Dalam Lirik Lagu Filem Tamil Gubahan Vairamuthu

No. Matrik / Matric's No.: P20171000269

Saya / I: Ravichandran A/L Subramaniam

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang bertaraf kesetamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972


TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS



(Tandatangan Pelajar/ Signature)



(Tandatangan Penyelia/ Signature of Supervisor
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 21 Februari 2023



Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu diketaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

PENGHARGAAN

‘Namachivaya Vaalga! Naathanthaal Vaalga!
Imaippoluthum Ennenjil Neenggaathan Thaal Vaalga’
‘நமசிவாய வாழ்க! நாதன்தாள் வாழ்க!
இமைப்பொழுதும் என்நென்சில் நீங்காதான் தாள் வாழ்க!’
‘ Enggal Vaalvum Enggal Valamum
Manggaatha Tamilendru Cangge Mulanggu’
‘எங்கள் வாழ்வும் எங்கள் வளமும்
மாங்காத தமிழென்று சங்கே முழங்கு’

Selamat sejahtera dan Vanakam, Dalam usaha menyediakan penyelidikan ini, saya telah banyak berhutang budi kepada beberapa pihak yang membantu saya. Pertama sekali, saya amat bersyukur kepada Tuhan yang mahakuasa kerana izinnya kajian ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Sekalung penghargaan dirakamkan kepada penyelia utama Dr. Ilangkumaran A/L Sivanadhan, pensyarah di Fakulti Bahasa Dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim yang telah menyelia penulisan disertasi ini. Beliau telah banyak memberi nasihat, tunjuk ajar, kritikan dan cadangan yang membina terhadap kajian ini. Sesungguhnya, segala panduan, pandangan dan saranan beliau menjadi dorongan dan daya penggerak bagi diri saya sehingga penyelidikan ini berjaya dihasilkan. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada isteri saya Puan Santhi A/P Ramasamy, anak-anak R.S.Tamil Ilakkiya, V.Thevaraj, V.Tharishini, S.Yugenraj, S.Surenraj, S.Archana, M.Harini dan M.Phuvani, adik beradik serta seisi keluarga, sanak saudara saya yang banyak menghulurkan bantuan, dorongan, sokongan dan motivasi kepada saya untuk menjayakan disertasi ini. Saya harus mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dr.A. Manonmani Devi, En.R.Sathupathy, En.T.Selvanathan, adik saya En.A.Muniandy dan isterinya Puan M.Malarvely, En.N.Thamilvanan, En.Hamzah, En. Hashim, Pn.Arbayah, Pn. Maila, Pn.A.Meena, Pn. Siti, mendiang En. K.Murugan, Dr.Kalaiselvi, Dr.Mageswary dan Cik Hema serta yang lain-lain yang turut membantu menyempurnakan penyelidikan ini secara langsung mahupun tidak langsung. Tidak ketinggalan juga saya ingin menyampaikan salam kepada Profesor Madya Datuk Dr.M. Paramasivam (UTM) , Dr. Selvajothi (UM) dan Dr. Samykannu Jebamany yang telah membantu saya dalam menyediakan tesis ini dengan jayanya.

Sekian, terima kasih.

‘Ulaippe Uyarvu Tharum’

‘உழைப்பே உயர்வு தரும்’

RAVICHANDRAN A/L SUBRAMANIAM

P20171000269

2021



ABSTRAK

Tesis ini merupakan kajian tentang simile dalam lirik lagu filem Tamil gubahan Vairamuthu. Tujuan kajian ini ialah untuk mengenal pasti unsur simile dalam lirik lagu filem Tamil gubahan Vairamuthu. Objektif kajian ini ialah mengenal pasti unsur simile dalam lirik lagu filem Tamil gubahan Vairamuthu, menjelaskan maksud denotasi dan konotasi unsur simile yang terdapat dalam lirik lagu filem Tamil gubahan Vairamuthu dan meneroka penggunaan unsur simile terhadap isu-isu yang terdapat dalam lirik lagu filem Tamil gubahan Vairamuthu. Pendekatan metodologi kajian ini memberi penekanan kepada hubungan yang erat antara karya dengan kepentingan masyarakat. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu kajian kepustakaan dan analisis kandungan untuk mengkaji unsur simile dalam lirik lagu filem Tamil gubahan Vairamuthu. Pengkaji telah menggunakan teori Semiotika yang dipelopori oleh Roland Barthes untuk menganalisis maksud denotasi dan konotasi simile yang terdapat dalam lirik lagu gubahan Vairamuthu. Pengkaji menganalisis 396 buah lirik lagu filem Tamil gubahan Vairamuthu dari seribu buah lirik lagu yang terkandung dalam koleksi Vairamuthu Ayiram Paadalgal yang telah diterbitkan pada tahun 2011. Terdapat lapan jenis unsur simile dalam lirik lagu filem Tamil gubahan Vairamuthu. Unsur-unsur simile ini telah memberikan impak yang besar kepada dunia kesusasteraan Tamil. Kajian ini diharapkan dapat memberi input dan panduan yang berguna dalam usaha untuk menghasilkan karya sastera yang bermutu tinggi.





SIMILIES IN LYRICS OF TAMIL FILM SONGS WRITTEN BY VAIRAMUTHU

ABSTRACT

This Research is based on the similies in lyrics of Tamil film songs written by Vairamuthu. The main objective is to identify the aspects of simile in Tamil song lyrics, to explain the denotation and the connotation of aspects of simile found in Tamil song lyrics and to explore the usage of simile upon issues found in Tamil song lyrics written by Vairamuthu. The methodological approach used in this research is to emphasise on the close connectivity between his literary works and the importance of society. This research also used the qualitative approach in literary works and content analysis to study aspects of simile in the lyrics of Tamil film songs by Vairamuthu. Researcher had used the Semiotica theory introduced by Roland Barthes to analyse the meaning of denotation and connotation simile which is found in Vairamuthu's songs. Researcher had analysed some 396 Tamil song lyrics from "Vairamuthu Ayiram Padalga" collection which was released in 2011. It was found that there eight aspects of similies in the lyrics of Tamil movies songs written by Vairamuthu. These aspects had caused huge impact on Tamil Literary World. This study shall guide and render useful inputs towards creating literary works of the highest quality.



KANDUNGAN

	Muka Surat
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
BAB 1 PENGENALAN	

1.2	Lagu Tamil	2
1.2.1	Vairamuthu	3
1.2.2	Sumbangan Terhadap Kesusasteraan Tamil	4
1.2.3	Hasil Karya Vairamuthu	4
1.2.4	Anugerah	6
1.3	Pernyataan Masalah	7
1.4	Objektif Kajian	9
1.5	Persoalan Kajian	9
1.6	Kepentingan Kajian	10
1.7	Skop Dan Batasan Kajian	11
1.8	Sumber Kajian	11
1.8.1	Sumber Primer	11

1.8.2	Sumber Sekunder	12
1.9	Definisi Operasional	12
1.9.1	Simile	13
1.9.2	Lirik lagu	14
1.9.3	Denotasi	15
1.9.4	Konotasi	16
1.10	Kesimpulan	17

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	18
2.2	Kajian-kajian Lepas	21
2.3	Kesimpulan	42

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	44
3.2	Reka Bentuk Kajian	45
3.2.1	Kerangka Kajian	46
3.3	Kaedah Kajian	47
3.3.1	Kaedah Analisis Teks	47
3.3.2	Kaedah Kajian Kepustakaan	47
3.4	Bahan Kajian	48
3.4.1	Kaedah Pengumpulan Data	50
3.4.2	Pembacaan Data	50
3.4.3	Pemilihan Data	51
3.4.4	Pembahagian Data	51
3.4.5	Mencari Makna Bahan Kajian	54
3.4.6	Menyusun Dan Mengkatogerikan Bahan Kajian	54



3.5	Teori Kajian	55
3.5.1	Teori <i>Semiotika</i>	55
3.5.2	<i>Uvamaiyaniyiyal</i>	58
3.5.2.1	<i>Viri Uvamai Ani</i>	59
3.5.2.2	<i>Thogai Uvamai Ani</i>	59
3.5.2.3	<i>Ithara Vithara Uvamai Ani</i>	60
3.5.2.4	<i>Samuccaya Uvamai Ani</i>	60
3.5.2.5	<i>Unmai Uvamai Ani</i>	60
3.5.2.6	<i>Maruporul Uvamai Ani</i>	60
3.5.2.7	<i>Pugal Uvamai Ani</i>	61
3.5.2.8	<i>Nhinhthai Uvamai Ani</i>	61
3.5.2.9	<i>Nhiyama Uvamai Ani</i>	61
3.5.2.10	<i>Anhiyama Uvamai Ani</i>	61
3.5.2.11	<i>Aiya Uvamai Ani</i>	62
3.5.2.12	<i>Theritharutetra Uvamai Ani</i>	62
3.5.2.13	<i>Insol Uvamai Ani</i>	62
3.5.2.14	<i>Viparitha Uvamai Ani</i>	62
3.5.2.15	<i>Iyamputhal Uvamai Ani</i>	63
3.5.2.16	<i>Palaporul Uvamai Ani</i>	63
3.5.2.17	<i>Vigara Uvamai Ani</i>	63
3.5.2.18	<i>Moga Uvamai Ani</i>	63
3.5.2.19	<i>Aputa Uvamai Ani</i>	64
3.5.2.20	<i>Palavayirpoli Uvamai Ani</i>	64
3.5.2.21	<i>Oruvayirpoli Uvamai Ani</i>	64
3.5.2.22	<i>Kuda Uvamai Ani</i>	64



3.5.2.23	<i>Pothuninggu Uvamai Ani</i>	65
3.5.2.24	<i>Malai Uvamai Ani</i>	65
3.6	Kerangka Teori	66
3.7	Kesimpulan	66

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	68
4.2	Unsur-unsur simile dalam lirik lagu-lagu filem Tamil gubahan Vairamuthu	69
4.2.1	Jenis-Jenis Simili Mengikut Teori Thandi	69
4.2.1.1	<i>Thogai Uvamai Ani: த ாகை உவகை அணி</i>	71
4.2.1.2	<i>Kuda Uvamai Ani: கூடா உவகை அணி</i>	76
4.2.1.3	<i>Aiya Uvamai Ani: ஐய உவகை அணி</i>	77
4.2.1.4	<i>4Pugal Uvamai Ani: புழை உவகை அணி</i>	78
4.2.1.5	<i>Nhinhthai Uvamai Ani: நிற்க உவகை அணி</i>	78
4.2.1.6	<i>Malai Uvamai Ani. ைகை உவகை அணி</i>	79
4.2.1.7	<i>Oruvayirpoli Uvamai Ani: ஒருவயிற்ப ாலி உவகை அணி</i>	80
4.2.1.8	<i>Moga Uvamai Ani: மொபாை உவகை அணி</i>	81
4.2.2	Unsur-unsur Simili Mengikut Tema	81
4.3	Menjelaskan maksud denotasi dan konotasi unsur simile yang terdapat dalam lirik lagu filem Tamil gubahan Vairamuthu	83
4.3.1	<i>Kuda Uvamai Ani</i>	157
4.4	Meneroka Penggunaan Unsur Terhadap Isu-isu Yang Terdapat dalam Lirik Lagu Filem Tamil Gubahan Vairamuthu	185
4.4.1	Pengenalan	185
4.4.2	Isu Penganiayaan Kaum Wanita	185
4.4.3	<i>Tatacara bagi Kaum Wanita</i>	189

4.4.4	Krisis Kemiskinan Masyarakat Tamil	193
4.4.5	Pengaruh Filem	196
4.4.6	Keunggulan Moral dalam Kalangan Lelaki	198
4.4.7	Semangat Patriotisme	199
4.4.8	Kebudayaan Masyarakat Tamil	200
4.4.9	Unsur Feminisme	203
4.4.10	Kepentingan Pendidikan Kanak-kanak	205
4.4.11	Kesedaran Kepentingan Ekonomi	207
4.4.12	Masalah Keruntuhan Moral	210
4.4.13	Keeratan Perpaduan	211
4.4.14	Cinta Terhadap Alam Sekitar	212
4.4.15	Keutamaan Hubungan Kekeluargaan	216
4.4.16	Peningkatan Motivasi dalam Kalangan Masyarakat	219
4.4.17	Kepercayaan kepada Tuhan	223
4.4.18	Keburukan alcohol	225
4.5	Kesimpulan	226

BAB 5 KESIMPULAN

5.1	Pendahuluan	228
5.2	Ungkapan Persoalan Kajian	229
5.3	Implikasi Kajian	230
5.4	Cadangan Kajian Masa Hadapan	233
5.5	Kesimpulan	233

BIBLIOGRAFI	235
--------------------	-----



SENARAI JADUAL

No. Jadual

Muka Surat

- | | | |
|-----|--|----|
| 4.1 | Jenis-Jenis Tema Yang Terdapat Dalam Lirik Lagu Filem Tamil Gubahan Vairamuthu | 82 |
|-----|--|----|



SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Senarai Anugerah Yang Diterima Oleh Penyajak Vairamuthu Di Peringkat Kebangsaan	7
3.1	Kerangka Kajian	46
3.2	Penanda & Petanda	57
3.3	Kerangka Teori	66
4.1	Bilangan Dan Peratus Simile Yang Terdapat Dalam Lirik Lagu Filem Tamil Gubahan Vairamathu	70



SENARAI SINGKATAN

dsb	dan sebagainya
MGR	Maruthur Gopala Ramachandran
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
TMK	Teknologi Maklumat Dan Komunikasi





BAB 1

Pengenalan



Gaya bahasa mempunyai pelbagai ragam. Diantaranya metafora, personifikasi, metonimia, simile dan lain-lain. Simile adalah gaya bahasa yang menyatakan sesuatu hal sama dengan hal lain dengan menggunakan kata-kata yang menunjukkan kesamaan itu, seperti: bagaikan, seperti, seolah-olah, dan sebagainya. Simile sering disebut juga gaya bahasa perumpamaan, perbandingan dan persamaan.

Simile menurut Gorys Keraf (2009:138) adalah perbandingan yang bersifat eksplisit. Perbandingan bersifat eksplisit maksudnya ialah bahawa ia langsung menyatakan sesuatu sama dengan hal yang lain.





Simile dalam bahasa Jepun disebut dengan chokuyu. Chokuyu menurut Kamus Besar Bahasa Jepang Nihongo Daijiten (1995:1746), adalah salah satu gaya bahasa yang menyatakan perbandingan dua perkara secara langsung dengan menggunakan kata *youda* 'seperti, *gotoshi* 'sama, *nitari* ibarat, dan lain sebagainya.

Simile menurut Gorys Keraf (2009:138) dapat dibedakan atas dua bentuk, yaitu simile tertutup dan simile terbuka. Simile tertutup adalah simile yang mengandung perincian mengenai sifat persamaan itu. Sementara itu, simile terbuka adalah simile yang tidak mengandung perincian mengenai sifat persamaan itu sehingga pembaca atau pendengar diharapkan akan mengisi sendiri sifat persamaannya.



Penulisan lirik lagu merupakan satu ciptaan yang menarik kerana lagu membicarakan tentang sesuatu hal dan pemikiran manusia. Menurut Jelani (2004), lirik lagu adalah berasaskan kepada nilai seni dan nilai kemanusiaan yang tinggi. Walau apa pun keadaan dan apa juga bentuk ruang dan modnya, ia harus menghiburkan dan mendidik masyarakat untuk menghayatinya, sama ada melalui media cetak, media elektronik atau melalui Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK).

Dalam pada itu, perkembangan sihat dalam penghasilan lagu filem Tamil wajar disusuli dengan kajian serta penyelidikan yang berunsur ilmiah supaya hasilnya dapat dijadikan sebagai panduan dan penanda aras kepada mutu penghasilan lagu-lagu filem Tamil terpilih pada masa kelak. Selain itu, kajian sedemikian juga akan memberi





pendedahan dan pemahaman yang kritis dan kreatif kepada para pembaca terhadap hasil nukilan para penyajak. Pelbagai kajian dan penyelidikan berhubung lagu filem Tamil dalam konteks yang luas giat dijalankan dengan tujuan memartabatkan lagi keagungan kesusasteraan Tamil yang diwarisi sejak turun-temurun.

1.2.1 Vairamuthu

Penyajak Vairamuthu telah menceburi industri perfileman Tamil di Tamilnadu sejak tahun 1980. Beliau telah popular dengan lirik lagu filem Tamil pertamanya iaitu '*Ponmaalaip Poluthu*' melalui filem Tamil '*Nilalhal*' yang diarahkan oleh Barathirajah. Beliau telah mengisi ruang kekosongan dalam industri perfileman Tamil yang telah ditinggalkan oleh penyajak-penyajak Udumalai Narayanakavi dan Kannadasan. Dalam jangka masa tiga puluh tahun, beliau berjaya mencipta rekod di mana beliau dapat menyahut hati para peminat filem Tamil khususnya para remaja dan belia dengan lirik lagu gubahannya. Kebanyakan lagunya terdiri daripada lirik-lirik lagu bertemakan cinta (Vairamuthu Ayiram Paadalgal).

Beliau telah dianugerahkan sebagai penulis lirik lagu filem Tamil terbaik sebanyak lima kali berturut-turut oleh Gabenor India. Pada tahun 2010 beliau telah membukukan koleksi lirik lagu filem Tamil yang telah digubahnya dengan judul '*Vairamuthu Ayiram Paadalgal*' (Vairamuthu Ayiram Paadalgal).

Walaupun kini sudah menjangkau empat puluh tahun (1980-2020), Vairamuthu tetap berada di tangga teratas dalam industri perfileman Tamil di Tamilnadu. Kejayaan





beliau membawanya ke tempat tertinggi sehingga telah menjawat jawatan sebagai penyajak diraja (2003) Tamilnadu, India ketika mendiang Karunanithi menjadi Ketua Menteri Tamilnadu. Penyajak Vairamuthu mula digelar sebagai '*Kavippeerasu*'.

1.2.2 Sumbangan terhadap kesusasteraan Tamil

Sumbangan Vairamuthu terhadap Bahasa Tamil adalah sangat besar. Beliau menghasilkan sebuah antologi sajak yang bertajuk '*Kalvettugal*'. Di samping itu, beliau juga telah mengembangkan Kesusasteraan Tamil melalui siaran televisyen di Chennai. Pada tahun 1995, beliau telah dianugerahkan pingat berjasa di peringkat kebangsaan.



menarik kerana mempunyai pemikiran dan pemilihan kata yang jelas. Ramai orang tertarik dengan sajak yang beliau nukilkan. Beliau merupakan seorang penyajak yang handal lagi disegani khalayak. Vairamuthu telah menjadikan pelbagai perkara atau peristiwa sebagai tema bagi sajak-sajak beliau. Kesemua sajak beliau memperlihatkan keunikan dan keagungan Bahasa Tamil.

1.2.3 Hasil karya Vairamuthu

'*Literature is a symbolic expression of a culture*' adalah pepatah yang popular dalam kalangan orang barat. Berdasarkan pepatah di atas, Vairamuthu telah menghasilkan pelbagai jenis karya yang berbentuk sajak, cerpen, lagu, penterjemahan, novel dan





sebagainya. Beliau telah terkenal dalam kalangan masyarakat Tamil di mana hasil karya beliau telah menarik perhatian mereka. Vairamuthu berhasrat untuk memberi pendedahan tentang liku-liku kehidupan masyarakat Tamil yang belum diterokai. Antara karya beliau yang menjadi sebutan peminatnya ialah hasil karya berbentuk sajak iaitu *'Vaigarai Mehanganal'*, *'Tiruthi Yezhutiya Tirpugal'*, *'Innoru Thesiya Gethem'*, *'Kavirajan kathai'*, *'Yen Pazhaiya Pannai Oollanganal'*, *'Kodi Marathin Veergal'*, *'Ratha Thaanam'*, *'Intha Puukal Virpanaiku Alla'*, *Tamilukum Niram Undu'*, *'Peiyena Peyyum Mazhai'* dan *'Konjam Thenir Niraiya Vaanam'*. Karya-karya ini mempunyai glosari baharu, tema yang baharu, isi yang baharu serta situasi yang baharu. Usaha beliau ini sekali gus telah meningkatkan mutu penghasilan sajak Tamil di dunia.

Novel merupakan cerita panjang yang berbentuk rencana. Novel juga merupakan cerminan kehidupan sesuatu masyarakat. Vairamuthu tidak ketinggalan untuk memberi sumbangan kepada perkembangan bahasa Tamil dalam bentuk novel. Antara novel-novel yang menjadi rebutan para peminatnya ialah *Vaanam Thodum Thuuramthan*, *Miindum Yen Thotiluku*, *Kaavi Nirathil Oru Kadhal*, *Oru Porkalamum Erandu Puukkalum*, *Villodu Vaa Nilaave*, *Thannir Theesam*, *Kallikaattu Ithikaasam*, *Karuvaachi Kaaviyam* dan *Muundraam Ulaga Por*.

Lirik lagu filem Tamil gubahan Vairamuthu yang mudah difahami oleh masyarakat Tamil yang berpendidikan kurang sekali gus dapat merangsang kesenian Kesusasteraan Tamil. Beliau merupakan penyajak yang keempat setelah Kaviyarasu Kannadasan, Pattuk Koottai Kalyanasundaram dan Valiba Kavinyar Vaali yang telah menjadi penyajak agung dalam industri perfileman Tamil di Chennai. Beliau telah menulis lebih dari 7000 lirik lagu-lagu Tamil. Sebagai bukti kepakarannya, media





penyiaran telah menyiarkan lagu-lagu beliau di seluruh pelosok dunia. Vairamuthu juga telah berjaya menerbitkan 3 buah koleksi lirik lagu- lagu filem Tamil hasil karyanya. Koleksi 1 dan 2 digabung dengan koleksi yang ke-3 yang mengandungi 1000 buah lirik lagu filem Tamil gubahan Vairamuthu (Vairamuthu Ayiram Paadalgal).

1.2.4 Anugerah

Vairamuthu telah dianugerahkan dengan anugerah penulis lirik lagu-lagu filem Tamil terbaik di peringkat negeri sebanyak 6 kali di Tamilnadu. Beliau juga pernah menerima anugerah sebanyak 5 kali di peringkat kebangsaan di Tamilnadu (Tamil Ilakkiyat Tagaval Kalanjyam, 2018). Beliau juga telah menerima ‘*Barathithaasan Viruthu*’ pada tahun 1996 dari kerajaan negeri. Beliau pernah menerima sejuta rupee dari Yayasan Murasoli. Di samping itu, beliau juga menerima sumbangan 50,000 rupee daripada akhbar Tamil *Thinathanthi*. Beliau juga telah dianugerahkan pingat *Bathmasri*, *Sagethiya Akademik* dan *Bathmapushan* dari negara India. Kerajaan Canada telah mengeluarkan setem yang mempunyai gambar Vairamuthu sebagai sumbangan beliau terhadap karya kesusasteraan Tamil. Pada tahun 2007 dan 2008, Universiti Terbuka Tamilnadu dan Universiti Tamil Kamaraasar, Madurai telah menganugerahkan gelaran doktor kepada beliau. Beliau juga telah menerima pelbagai anugerah yang lain seperti *Kavi Perarasu*, *Kavi Samrat*, *Kappiya Kavinger* dan lain-lain lagi. Akhirnya beliau dilantik sebagai profesor undangan di Universiti Tamil Kamaraasar, Madurai.





Bil.	Tahun	Lirik Lagu Tamil	Filem
1.	1985	<i>Pungkaatru Thirumbumaa?</i>	<i>Muthal Mariyathai</i>
2.	1992	<i>Cinna-Cinna Aasai</i>	<i>Roja</i>
3.	1999	<i>Muthal Murai Killi Parthen</i>	<i>Sangamam</i>
4.	2002	<i>Vellai Puukal</i>	<i>Kannathil Muthamittal</i>
5.	2010	<i>Kalli Kattil Piranthaye</i>	<i>Thenmerku Paruva Katru</i>

Rajah 1.1. Senarai Anugerah Yang Diterima Oleh Penyajak Vairamuthu Di Peringkat Kebangsaan

Vairamuthu yang dilahirkan pada tahun 1953 telah berjaya menghasilkan pelbagai jenis lirik lagu yang terkenal disamping memberi sumbangan yang amat besar dan luas terhadap perkembangan kesusasteraan Tamil di Tamilnadu dan di arena antarabangsa.



Lirik lagu sesebuah filem merupakan satu daya tarikan kepada semua orang tanpa mengira bangsa, agama, status umur, status akademik dan jantina. Lagu memainkan peranan amat penting dalam kehidupan harian manusia di mana ia mewujudkan situasi gembira dan juga menjadi penyelesaian masalah situasi sedih.

Di samping itu, media penyiaran di negara kita iaitu Minnal FM (RTM) dan THRaga sering menyiarkan lagu-lagu filem Tamil yang memberangsangkan semua pihak yang disebut di atas. Media elektronik ini hanya diwujudkan semata-mata untuk menghiburkan masyarakat sebagai mengisi kerohanian mereka. Lagu-lagu yang dikumandangkan pula, sangat menarik minat semua pihak dan menggembirakan hati





mereka. Sebagai contoh, *Thaarame-thaarame Vaa* (Isteriku Mari) merupakan lagu filem Tamil yang paling diminati oleh peminatnya dari seluruh dunia pada tahun 2019.

Akan tetapi, ramai di antara peminat lagu-lagu Tamil menyalah tafsir maksud denotasi dan maksud konotasi yang ingin disampaikan oleh penyajak. Dengan ini para pendengar tidak dapat menghayati 100% maksud sebenar yang terdapat dalam lagu tersebut.

Simile digunakan dengan matlamat untuk menarik perhatian pendengar dan pembaca. Oleh itu, lagu memainkan peranan untuk mewujudkan hubungan antara penyajak dengan pendengar atau peminat. Hubungan tersebut diperlukan untuk menyampaikan buah fikiran dan perkongsian pengalaman penyajak dengan pendengar atau peminat secara berkesan dan sempurna. Hal ini demikian kerana, untuk berhubung dengan pendengar atau peminat secara bersemuka, merupakan perkara yang mustahil disebabkan jumlah pendengar atau peminat lagu adalah terlalu ramai.

Dalam pada itu, pengkaji juga berasa meragu-ragu terhadap para penyajak baru yang melangkah ke alam penulisan lirik lagu. Soalan pengkaji ialah adakah mereka menggunakan simile yang membawa maksud denotasi dan konotasi seperti yang digunakan oleh para penyajak popular seperti Vairamuthu. Oleh hal yang demikian, pengkaji berminat untuk mengkaji unsur-unsur simile yang terdapat dalam lirik lagu filem Tamil gubahan Vairamuthu. Pengkaji ingin mengenal pasti sama ada unsur-unsur simile ini mempengaruhi minat para pendengar atau tidak.





1.4 Objektif Kajian

Kajian ini yang bertajuk Unsur simile Dalam Lirik Lagu Filem Tamil Gubahan Vairamuthu secara umumnya meneliti penerapan unsur simile. Secara khususnya kajian ini adalah bertujuan untuk:

1. Mengenal pasti unsur simile dalam lirik lagu filem Tamil gubahan Vairamuthu
2. Menjelaskan maksud denotasi dan konotasi unsur simile yang terdapat dalam lirik lagu filem Tamil gubahan Vairamuthu.
3. Meneroka penggunaan unsur simile terhadap isu-isu yang terdapat dalam lirik lagu filem Tamil gubahan Vairamuthu.



1.5 Persoalan Kajian



Kajian ini yang bertajuk Unsur simile Dalam Lirik Lagu Filem Tamil Gubahan Vairamuthu secara umumnya meneliti penerapan unsur simile. Pengkaji telah menentukan soalan-soalan kajian yang berdasarkan objektif kajiannya supaya tidak menyeleweng daripada tajuknya. Berikut adalah beberapa persoalan yang timbul dan akan dikaji dalam penyelidikan ini:

1. Apakah unsur simile yang terdapat dalam lirik lagu filem Tamil gubahan Vairamuthu?
2. Apakah maksud denotasi dan konotasi unsur simile yang terdapat dalam lirik lagu filem Tamil gubahan Vairamuthu?





3. Sejauh manakah penggunaan unsur simile terhadap isu-isu yang terdapat dalam lirik lagu filem Tamil gubahan Vairamuthu?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini dilakukan untuk melihat keunikan bahasa yang terdapat dalam lagu Tamil. Bahasa yang digunakan dalam lirik lagu filem Tamil memperlihatkan pembaharuan dalam pemilihan kata terhadap simile. Ini mungkin kerana penulis lirik lagu filem Tamil terdiri daripada golongan muda yang inginkan kebebasan dalam penggunaan ungkapan perkataan yang lebih mudah dan dapat difahami oleh semua lapisan masyarakat India yang berbahasa Tamil di seluruh dunia. Pengkaji sedar bahawa gaya bahasa pelirik Tamilnadu dipengaruhi kehidupan seharian masyarakat India di Malaysia. Maka, kajian ini dapat mengupas contoh perubahan dalam penggunaan simile. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi gambaran sebenar tentang bentuk bahasa Tamil. Kajian ini juga diharap dapat membantu para pendidik bahasa Tamil dalam mengetahui perubahan yang berlaku terhadap gaya bahasa metafora dan simile dalam lagu Tamil. Aspek-aspek ini dapat dijelaskan dalam penganalisan data kajian ini. Kajian ini juga penting dan bermakna kerana pengkaji berharap ia dapat menarik minat lebih ramai ahli linguistik untuk menjalankan kajian yang lebih mendalam tentang pelbagai gaya bahasa dan ungkapan lagu yang lain.

Adalah diharapkan hasil kajian ini bakal memberikan maklumat yang terperinci tentang simile-simile yang terdapat dalam lirik lagu-lagu filem Tamil gubahan Vairamuthu dan menyumbangkan satu rekod ilmiah kerana setakat ini kajian ke atas





subjek ini amat kurang dijalankan, malah kajian berdasarkan teori berhubung lirik lagu-lagu filem Tamil gubahan Vairamuthu kurang dijalankan di negara ini.

1.7 Skop dan Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada lagu-lagu yang tersiar dalam koleksi (*Vairamuthu Ayiram Paadalhal*) lirik lagu-lagu filem Tamil gubahan Vairamuthu. Keprihatinan penyajak berhubung unsur simile dalam lirik lagu filem Tamil gubahan Vairamuthu berlandaskan pada teori Semiotika yang menjadi tumpuan kajian ini.



1.8 Sumber Kajian



Sumber kajian ini, terdiri daripada sumber primer dan sumber sekunder. Pengkaji menggunakan kedua-dua sumber ini dalam menjalankan penyelidikan ini.

1.8.1 Sumber Primer

Sumber primer merupakan sumber data yang diperolehi secara langsung dari sumber asli iaitu tidak melalui sebarang media perantaraan. Dalam kajian ini sumber yang dirujuk untuk memperoleh data primer ialah koleksi (*Vairamuthu Ayiram Paadalhal*) lirik lagu filem Tamil yang dihasilkan oleh penyajak Vairamuthu. Koleksi ini mempunyai seribu lirik lagu yang digubah oleh penyajak Vairamuthu dari tahun 2006-





2010. Pengkaji memilih 396 buah lirik lagu filem Tamil daripada koleksi tersebut yang mempunyai unsur simile.

1.8.2 Sumber Sekunder

Sumber sekunder merupakan sumber data yang sedia ada atau idea yang diperolehi daripada mana-mana sumber yang digunakan semula untuk dibuat kajian ini. Data sekunder adalah data tambahan daripada sumber bertulis seperti kritikan mengenai artikel, jurnal, internet dan sebagainya. Data-data daripada sumber sekunder ini penting untuk dijadikan sebagai sokongan kepada sesuatu pernyataan dan mengukuhkan sesuatu keputusan. Kajian ini merujuk sumber sekunder seperti kajian ilmiah peringkat kedoktoran dan sarjana serta buku-buku sastera yang berhubung kait dengan tajuk kajian ini. Pengkaji juga menggunakan buku-buku rujukan yang berkaitan simile yang terdapat dalam sajak, puisi dan lagu.

1.9 Definisi Operasional

Bagi mencapai maksud kajian, beberapa konsep penting dan bermakna perlu diberi takrifan mengikut konteks kajian. Pernyataan maksud bagi setiap konsep adalah bertujuan untuk mempermudah dan menghuraikan objektif kajian. Pengkaji menekankan definisi bagi setiap unsur yang digunakan dalam kajian ini.





1.9.1 Simile

Simile adalah istilah sastra yang digunakan untuk membandingkan dua perkara yang berbeza untuk menunjukkan satu kualiti yang sama antara kedua-dua perkara yang dibangkitkan. Rulik Setiani berpendangan bahawa simile menggunakan perkataan “seperti” dan “sebagai” untuk membandingkan dua perkara. Contohnya, “Malar senyum seperti Mentari”. Melalui frasa ini, dapat diteliti bahawa simile digunakan untuk membandingkan seseorang wanita dengan aspek bukan manusia iaitu matahari.

Menurut Keraf pula, simile adalah komponen tatabahasa yang digunakan untuk perbandingan yang bersifat eksplisit. Lebih khusus lagi, simile digunakan untuk membandingkan sesuatu dengan sesuatu yang lain secara tidak langsung. Manakala, G. Sundaramoorthy menjelaskan *uvamai* yang digunakan oleh Tolkaappiyar menandakan penggunaan kedua-dua simile iaitu *upamaa* dan objek yang dibandingkan sebagai *upamaana*. Ini bermakna bahawa sesuatu karya harus diteliti menerusi konteks penulisan. Perkara ini jelas membuktikan pandangan Vellayappa Thenappa Manickam iaitu subjek yang diterangkan adalah *porul* dan objek yang dibandingkan dengan sesuatu yang tidak ketahui sebagai *uvamam* atau *uvamai*.

Perumpamaan sedemikian digunakan untuk memuliakan dan membesarkan makna petikan atau *versa* yang ditulis dengan mengutamakan deskripsi seperti warna, bentuk, rasa dan sebagainya. Kajian ini meneliti lirik-lirik lagu Vairamuthu yang mempunyai kegunaan simile yang tinggi di mana beliau menggunakannya untuk mengimbangkan maksud denotasi dan konotasi tanpa menguris hati pendengar dan pada





masa yang sama bagi menghuraikan konteks secara terperinci tanpa mengurangkan keindahan puisi.

1.9.2 Lirik lagu

Lirik ialah perkataan-perkataan dalam lagu. Lirik boleh ditulis semasa muziknya digubah, atau ditulis selepasnya. Bagaimanapun, muzik kadang dipadankan atau ditulis selepas lagu atau puisinya telah ditulis. Seorang yang menulis lirik dipanggil penulis lirik. Maksud yang diberikan dalam rangkap lirik boleh bersifat tersurat atau tersirat. Sesetengah lirik adalah terlalu abstrak sehingga tidak dapat difahami. Dalam kes-kes tersebut, terdapat kecenderungan untuk menitikberatkan bentuk, penyebutan, meter, dan simetri pernyataan. Terdapat banyak laman web yang menampilkan lirik lagu-lagu. (Karu.Kaarthik 2010)

Lagu merupakan gubahan seni nada atau suara dalam urutan, kombinasi, dan hubungan temporal (biasanya diiringi dengan alat muzik) untuk menghasilkan gubahan muzik yang mempunyai kesatuan dan kesinambungan (mengandungi irama). Dan ragam nada atau suara yang berirama disebut juga dengan lagu.

Lagu boleh dinyanyikan oleh secara solo, berdua (*duet*), bertiga (*trio*) atau dalam beramai-ramai (*koir*). Perkataan lagu biasanya berbentuk puisi berirama, namun ada juga yang bersifat keagamaan ataupun prosa bebas. Lagu boleh dikategorikan kepada banyak jenis, bergantung kepada ukuran yang digunakan. (Karu. Kaarthik 2010)





1.9.3 Denotasi

Denotasi dapat difahami makna literal atau tersurat. Secara umumnya, denotasi hanya mempunyai satu makna yang khusus. Dalam erti kata lain, ini adalah makna asas bagi tanda-tanda visual. Menurut Palmer, denotasi bermaksud *original* atau *literal* bagi sesuatu perkataan. Sebagai contoh, perkataan 'rumah' dalam denotasi tidak mempunyai makna lain kecuali sebuah tempat kediaman seseorang. Cruse pula menjelaskan bahawa denotasi sebagai aspek makna dalam format linguistik yang menjadi asas untuk menyatakan pernyataan yang benar tentang dunia. Namun begitu, tidak dapat dinafikan bahawa dalam beberapa situasi denotasi tidak mampu menafsirkan perkara yang hanya berkaitan dengan dunia material atau fizikal. Dalam situasi sebegini, konteks sesebuah karya juga harus diambil kira oleh pembaca dan pengkaji.



Tudjuka memberi pandangan bahawa unsur denotasi dapat digunakan untuk memberi penjelasan berdasarkan hasil deria penglihatan, bau, pendengaran, perasaan atau pengalaman. Tafsiran ini menunjukkan bahawa maksud denotasi melibatkan objektif maklumat fakta. Oleh itu, makna denotasi ini juga dapat difahami sebagai maksud konseptual berkaitan dengan inti sari maksud ungkapan atau maksud tersurat. Contoh aplikasi denotasi dalam sesebuah karya dapat dilihat apabila penulis yang berhasrat menyampaikan maklumat secara saintifik cenderung menggunakan gaya denotatif. Mereka tidak memerlukan atau tidak berminat untuk memberikan tafsiran tambahan kepada pembaca. Berkenaan aplikasi sebegini, Kreidler menyatakan denotasi sebagai aspek rujukan kerana mempunyai hubungan rapat antara pernyataan bahasa.





1.9.4 Konotasi

Denotasi membawa maksud tersurat bagi sesebuah frasa atau perkataan. Sebaliknya, konotasi membawa maksud tersirat bagi perkataan yang sama. Konotasi juga boleh terdiri daripada maksud positif ataupun negatif yang mendukung pelbagai makna atau nilai tambahan yang terkandung dalam satu perkataan. Misalnya, perkataan 'rumah' dalam erti konotasi boleh membawa maksud dalaman seperti keluarga, keselamatan dan kasih sayang. Ini jelas menunjukkan bahawa konotasi merujuk kepada makna yang lebih peribadi yang mengandungi aspek emosi untuk dibangkitkan dalam penulisan. Dalam pada itu, Geoffrey Leech berpendapat bahawa maksud konotasi merupakan nilai komunikasi dan ekspresi bagi perkataan yang dirujuk dan membawa pengertian yang lain daripada makna konseptual.



Menurut Jackson pula, konotasi membawa perkaitan yang mempunyai isu penyatuan yang ingin disampaikan kepada individu atau komuniti. Lebih khusus lagi, konotasi wujud dalam sesebuah karya apabila penulis menulis sesuatu yang membawa makna yang berbeza tetapi secara tersuratnya; maksud yang lain pula tersembunyi. Oleh sebab itu, konotasi sering dikaitkan dengan implikasi ataupun penyatuan emosi dengan sesuatu perkataan.

Kreidler pula memberi pandangannya bahawa makna konotasi boleh berbeza berdasarkan pengalaman individu. Perkataan yang sama boleh mencungkil makna positif atau negatif kepada dua orang yang berbeza yang mempunyai pengalaman yang tersendiri. Oleh sebab konotasi boleh membawa lebih daripada satu makna yang disulam dengan emosi, komponen sastera ini juga dikenali sebagai bahasa kiasan yang





digunakan untuk menjadikan sesuatu karya berbunyi lebih puitis. Wardoyo menjelaskan bahawa bahasa kiasan yang digunakan dalam puisi terdiri daripada empat jenis iaitu, personifikasi, metafora, hyperbola dan simile. Bagi menepati persoalan kajian, tesis ini hanya memberi perhatian khusus kepada simile.

1.10 Kesimpulan

Perkembangan sastera Tamil menjadi saksi kepada masyarakat umum untuk menjelaskan pengaruhnya dalam mencuit hati pembaca di samping menggalakkan para penyajak untuk menceburkan diri dalam penghasilan karya-karya berunsur moden seperti lirik lagu-lagu filem Tamil.



Fenomena ini begitu ketara dengan penampilan para penyajak yang telah mula menyusur galur memaparkan pelbagai pemikiran dalam hasil nukilan mereka. Penerapan simile yang dipancarkan menerusi lagu-lagu filem Tamil berpaksikan pada tatabahasa *Thandiyalangaram* turut tidak ketinggalan dalam karya-karya penyajak kini. Lantaran itu adalah menjadi penting untuk mengkaji aliran pemikiran penyajak Tamil yang memberi tumpuan kepada simile dalam karyanya.

Oleh hal yang demikian, pengkaji melakukan kajian mengenai unsur simile dalam lirik lagu filem Tamil gubahan Vairamuthu. Berdasarkan penjelasan Al-Fatihah (2014), simile merupakan salah satu seni gaya penulisan secara berkesan yang bertujuan untuk mempengaruhi khalayak iaitu individu yang berada di persekitarannya.

